

Karnival Pengajian Tinggi Negara Tahun 2011

Tahun ini merupakan tahun ke-7 karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) Tahun 2011 dilaksanakan. Karnival Pengajian Tinggi Negara Tahun 2011 adalah merupakan anjuran Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia. Pada tahun 2010, sebanyak 10 zon sekitar Semenanjung, Sabah dan Sarawak telah menyajikan KPTN ini. Pada tahun ini pula, Kementerian Pengajian Tinggi telah menambah 1 lagi zon untuk KPTN dan menjadikan jumlah keseluruhan 11 zon.

Objektif utama KPTN ini diadakan ialah menjadi pusat sehenti bermaklumat kepada kumpulan sasaran seperti pemohon, pelajar, ibu bapa, guru dan komuniti setempat untuk mendapat maklumat tepat dan terkini mengenai peluang pendidikan tinggi, akreditasi dan pembentukan bagi lepasan SPM/Setaraf dan STPM/Setaraf di peringkat pengajian program Asasi, Diploma Ijazah Pertama di IPTA serta Sijil dan Diploma Kementerian Malaysia di Institut Latihan Kemahiran.

Karnival ini terbuka kepada semua golongan masyarakat. Melalui Karnival seperti ini, setiap lapisan masyarakat boleh mendapat maklumat berkaitan dengan peluang melanjutkan pendidikan dan pelbagai maklumat yang berguna.

Selain itu, antara aktiviti yang akan diadakan semasa KPTN ini berlangsung ialah Pameran Pendidikan, Seminar Peluang Pendidikan Tinggi, Cabutan Bertuah, Cabutan Perdana, Kuiz, Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, Semakan Syarat Khas Kelayakan Program, Pendaftaran Sahabat UPU dan Liputan Secara Langsung. Aktiviti-aktiviti ini boleh menarik minat pelbagai golongan masyarakat untuk berkunjung ke Karnival ini.

Berikut adalah jadual perlaksanaan KPTN tahun 2011. Untuk makluman, masuk adalah percuma.

Lokasi Pameran Karnival Pengajian Tinggi 2011



ZON	TARIKH	NEGERI	LOKASI
ZON 1	14 - 15 Jan 2011	Terengganu	Terengganu Trade Centre, Terengganu (Majlis Pelancaran)
ZON 2	22 - 23 Jan 2011	Melaka / Negeri Sembilan	Melaka International Trade Centre (MITC), Melaka
ZON 3	29 - 30 Jan 2011	Pulau Pinang	Penang International Sports Arena (PISA), Pulau Pinang
ZON 4	12 - 13 Feb 2011	Kelantan	Kelantan Trade Centre & Stadium Sultan Muhammad Ke-IV Kota Bharu, Kelantan
ZON 5	19 - 20 Feb 2011	Kedah / Perlis	Dewan 2020, Perlis
ZON 6	26 - 27 Feb 2011	Sabah	Suria Sabah, Kota Kinabalu, Sabah
ZON 7	5 - 6 Mac 2011	Pahang	Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang
ZON 8	12 - 13 Mac 2011	Johor	PERSADA, Johor Bahru, Johor
ZON 9	19 - 20 Mac 2011	Sarawak	Permata Exhibition Centre Kuching, Sarawak
ZON 10	2 - 3 Apr 2011	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur / Wilayah Persekutuan Putrajaya / Selangor	MINES International Exhibition Centre, Seri Kembangan, Selangor (Majlis Penutup)